

12hb. April, 1977.

Semua Yang Dipertua Khas/Yang Dipertua Kanan/Yang Dipertua, Mahkamah Sesyen, Semenanjung Malaysia.

Semua Mejiseteret, Mahkamah Mejiseteret, Semenanjung Malaysia.


Pekeliling Pendaftar Bil. 4/1977  
Per: Waktu Bekerja.

[di bahagikan Per. Perd.  
Bil 5/1991.]  
25/10/91.

Saya telah diarah oleh Yang Arif Hakim Besar, Malaya untuk menarik perhatian tuan/puan bahawa sebagai kakitangan kerajaan waktu bekerja bagi tuan/puan adalah daripada 8.00 pagi hingga pukul 4.00 petang dan bukan daripada tuan/puan mula bersidang hingga akhir persidangan bagi sesuatu hari. Pekeliling ini terpaksa dikeluarkan walaupun sepatutnya ianya tidak perlu dikeluarkan kerana didapati banyak diantara tuan/puan yang tidak mematuhi waktu pejabat ini. Sekiranya tuan/puan tidak pergi "on circuit", tuan/puan adalah sepatutnya berada di pejabat diwaktu pejabat. Kiranya tuan/puan pergi "on circuit" dan persidangan untuk hari itu selesai awal, tuan/puan sepatutnya pulang semula ke pejabat.

2. Saya juga telah diarah oleh Yang Arif Hakim Besar untuk mengingatkan tuan/puan bahawa tuan/puan hendaklah mula bersidang pada pukul 9.00 tiap-tiap hari. Ini bererti tuan/puan mungkin terpaksa bertolak lebih awal untuk pergi ke Mahkamah "outstation".

3. Yang Arif Hakim Besar yakin sekiranya tuan/puan mematuhi arahan ini dan menjalankan tugas masing-masing dengan rasa tanggung jawab maka kelambatan penyelesaian kes-kes sedikit sebanyak akan dapat dikurangkan disamping mengurangi kesusahan semua pehak yang ada hubungan dengan Mahkamah terutama sekali orang ramai dan dengan itu memperbaiki lagi perkhidmatan Jabatan kita.

  
( Abdul Hamid b. Hj. Mohamed )  
PEMANGKU KEPUA PENDAFTAR.

S.k.

- 1) Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, Malaysia.
- 2) Yang Arif Hakim Besar, Malaya.
- 3) Yang Arif Hakim-Hakim, Mahkamah Persekutuan.
- 4) Yang Arif Hakim-Hakim, Mahkamah Tinggi, Malaya.